

DATE: 23/4/2010



SUARA BLOG

Kupasan blog terhadap Zaid Ibrahim

UM - 23/04/2010

CALON Parti Keadilan Rakyat (PKR) bagi Pilihan Raya Kecil Parlimen Hulu Selangor, Datuk Zaid Ibrahim terus mendapat perhatian penulis-penulis blog menjelang hari pengundian Ahad ini.

Mohd. Zakir Mohamed dalam *Big Dog Dot Com* (bigdotdotcom.wordpress.com) membangkitkan sejarah kegiatan komunis di Hulu Selangor dan mahukan pandangan Zaid mengenai kedudukan Ketua Parti Komunis Malaya, Chin Peng yang ingin kembali ke tanah air.

Katanya, Zaid sebagai pemimpin yang disifatkan seorang yang liberal dan membawa pendekatan tanpa mementingkan kaum dan latar belakang etnik perlu memberikan jawapan tepat dan jelas mengenai hal ini.

"Ini persoalan yang amat penting yang perlu Zaid jelaskan sekarang, dalam musim kempen PRK P094. Ini kerana isu ini menghantui kenangan dan warisan ramai warga Malaysia mengenai 'peperangan dalaman' selama lebih 54 tahun itu.

"Hulu Selangor merupakan salah satu kawasan yang terlibat dan aktiviti pengganas komunis berterusan sehingga tahun 1970-an," katanya.

Penulis ini berkata, ramai kalangan pengundi di Hulu Selangor merupakan pesara atau ahli keluarga pasukan keselamatan yang telah mempertahankan tanah air daripada ancaman komunis suatu ketika dahulu.

Nada serupa disuarakan oleh Shamsul Yunus dalam *Marahku* (marahku.blogspot.com) yang berkata, di sinilah Sir Henry Gurney dibunuh oleh pengganas komunis atau tepatnya di laluan antara Kuala Kubu Baru dan Bukit Fraser.

"Gurney bukan seorang tentera, dia hanya seorang pentadbir dan sedikit tertarik dengan kawalan ketat tentera ke atas pengganas komunis di Malaya.

"Serangan pengganas itu telah mewujudkan rancangan Briggs yang bertujuan membuka kampung-kampung baru bagi menempatkan kaum Cina," katanya.

Justeru, katanya, beliau mahukan Zaid membuat pendirian jelas berhubung usaha DAP selaku sekutu PKR, yang mahu membawa Chin Peng kembali ke negara ini.

Dr. Siddiq Azani dalam *Written By Him* (writtenbyhim.wordpress.com) pula berkata, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Jabatan Agama Islam negeri sudah sewajarnya menahan Zaid untuk dihukum atas kesalahan minum arak selepas beliau sendiri membuat pengakuan mengenainya.

Penulis juga hairan apabila tiada sebarang tindakan dilakukan oleh Pas terhadap Zaid sedangkan parti itu mengaku mereka memperjuangkan pelaksanaan undang-undang Islam jika menjadi pemerintah.

"Bukankah Pas pejuang Islam, menegakkan syiar Islam dan merupakan golongan pendesak yang menyokong hukuman sebatan ke atas Kartika? Mengapa bila Zaid mengaku secara terang-terangan minum arak, Pas diam sahaja?"

"Islam apa yang dibawa oleh Pas ini? Di mana Nik Aziz, ulama yang sering mengeluarkan fatwa ke atas setiap kelakuan BN? Mengapa tidak bersuara langsung dalam isu ini?" katanya.

Kata beliau, bukannya Zaid selayaknya disebut selaras dengan tuntutan syariat yang diperjuangkan oleh Pas tetapi apabila pengakuan dibuat oleh Zaid, tiada seorang pun pemimpin Pas yang tampil untuk mendesak diambil tindakan.

Dalam pada itu, Syed Ali Alhabshi dalam *UMNO Bahagian Cheras* (umno-bahagiancheras.blogspot.com) berkata, Barisan Nasional tidak gentar dengan kehadiran Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang dilaporkan akan turun berkempen di Hulu Selangor mulai hari ini.

"BN khususnya UMNO mengalu-alukan kedatangan Nik Aziz ke Hulu Selangor dan kita akan dengar apa lagi cerita karutnya untuk memenangkan calon PKR, Datuk Zaid Ibrahim," katanya.

Usaha membawa Nik Aziz untuk berkempen di Hulu Selangor pada saat-saat akhir juga membuktikan jentera pilihan raya PKR semakin lemah.

Menurut beliau, pengundi di Hulu Selangor juga ingin mendengar penjelasan Nik Aziz berhubung penentangan Zaid terhadap pelaksanaan Hukum Hudud yang dibawa Pas sebelum ini.

"Zaid pernah tentang Nik Aziz dan saman kerajaan Kelantan yang ingin laksanakan Hukum Hudud, kini beliau pula yang sokong Zaid. Kita nak dengar apa lagi alasannya kali ini," katanya.

Penulis blog *Maharaja Blogger* (maharajablogger.blogspot.com) pula berkata, Nik Abdul Aziz akan berkejar ke Hulu Selangor sejourus kembali dari Mekah untuk membasuh dosa Zaid yang menghadapi pencemaran peribadi daripada minum arak hingga penentang hudud dan pembelaan kes murtad melibatkan Lina Joy.

"Beliau akan memaafkan Zaid secara terbuka dalam suatu rapat umum kerana menentang pelaksanaan hukuman hudud di Kelantan dan Terengganu pada tahun 2002.

"Seperti Nik Aziz yang sanggup berkawan dengan kafir maka demikian juga Zaid akan menyokong hukum hudud bila Pas menguasai kerajaan pusat kelak," katanya.

Katanya, UMNO sahaja yang tidak berubah dan menganggap yang haram tetap haram tetapi Pas sanggup mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram mengikut cita rasanya untuk menunjukkan kuasa agamanya.